

# **KEBERSIHAN ALAM SEKITAR MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM**

oleh

Mohd. Muhibin Abd. Rahman

## **Abstract**

*Clealiness is an essential of life which not only prevents diseases but also symbolises the digree of the development of a nation. Islam places a special emphasis on clealiness and makes it a part of its teaching. The article elaborates the concept and goes beyond individual clealiness to regard it as a factor in enviromental wellbeing.*

## **Pendahuluan**

Amalan kebersihan merupakan aspek terpenting dalam kehidupan manusia. Kebersihan bukan sahaja boleh memelihara kesihatan seseorang dan sekaligus dapat mencegahnya daripada penyakit, tetapi ia juga merupakan lambang keperibadian seseorang dan simbol kepada kemajuan sesuatu bangsa dan sesebuah negara. Kemajuan dan pembangunan sesebuah negara dan masyarakat bergantung kepada sejauhmana prihatinnya masyarakat dan negara tersebut kepada aspek kebersihan. Kebersihan yang dimaksudkan ialah kebersihan yang luas mencakupi kebersihan individu, masyarakat dan juga kebersihan alam sekitar. Namun demikian persoalan kebersihan sudah tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dari semua pihak terutamanya kebersihan alam sekitar. Sedangkan amalan kebersihan merupakan satu amalan yang penting yang sepatutnya menjadi agenda utama dalam proses pembangunan sesebuah negara dan masyarakat. Malah ia merupakan sebahagian dari ajaran dan tuntutan Islam. Tulisan ini cuba melihat amalan kebersihan alam sekitar mengikut perspektif Islam.

## **Islam Dan Kebersihan**

Islam selalu dirujuk sebagai satu agama yang universal dan komprehensif yang bukan sahaja sesuai di segenap zaman, tetapi juga meliputi segenap aspek dan bidang kehidupan manusia. Ia merupakan sebahagian daripada faktor yang menjadikan Islam sebagai satu agama yang teristikewa. Keistimewaan agama Islam ini tidak syak lagi kerana ia bersifat rabbani, iaitu satu-satunya agama yang bersumberkan wahyu ilahi. Selain dari itu, ia juga bersifat dengan sifat syumul

atau lengkap dan alami. Kesyumulan agama Islam adalah meliputi segenap aspek kehidupan manusia yang bukan sahaja menjurus kepada persoalan akhirat semata-mata seperti persoalan aqidah dan ibadah, tetapi juga meliputi persoalan duniaawi seperti persoalan ekonomi, kebudayaan, sosial dan seumpamanya. Ini termasuklah persoalan kesihatan yang meliputi persoalan bagaimana memelihara kesihatan dan bagaimana mencegah penyakit. Malah boleh dikatakan Islam memberi perhatian yang serius terhadap amalan kebersihan.<sup>1</sup>

Antara metod yang diajarkan oleh Islam tentang cara memelihara kesihatan ialah dengan tiga cara, iaitu melalui pemakanan yang baik, amalan kebersihan dan melalui riadah atau latihan jasmani. Sekalipun amalan kebersihan di antara cara terbaik bagi memelihara kesihatan dan mencegah daripada penyakit, namun demikian amalan kebersihan yang menjadi sebahagian daripada ajaran dan tuntutan Islam bukanlah semata-semata kerana ingin menjaga kesihatan. Tetapi lebih dari itu, ia merupakan simbol dan syiar kepada agama Islam itu sendiri.

Walaupun demikian terdapat juga pandangan sebahagian golongan masyarakat yang berpendapat bahawa kebersihan merupakan suatu lambang prestij dan kegemaran dan ada pula yang menganggapnya sebagai satu aspek yang mempunyai hubungan dengan ekonomi. Dalam konteks ini, Islam mendahului mana-mana agama yang menyeru kepada amalan kebersihan. Sekalipun negara-negara barat mendakwa mereka orang yang pertama yang menyeru kepada amalan kebersihan serta prihatin terhadapnya. Tetapi apabila kita melihat kepada ajaran Islam nescaya kita dapati bahawa Islamlah agama yang pertama sekali yang menyeru kepada kebersihan sejak beberapa kurun yang lalu. Di mana konsep dan program kebersihan yang dianjurkan oleh Islam membuktikan kenyataan di atas.

Perkara ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya:

﴿إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ...﴾

“Sesungguhnya Allah amat suka kepada orang-orang yang bertaubat dan suka kepada orang-orang yang bersuci (bersih)”.  
(Surah al-Baqarah : 222)

<sup>1</sup> Abd al-Hamid Diyab & Ahmad Qarquz, *Ma'a al-Tib fi al-Qur'an al-Karim*, Damsyiq, Mu'assasah 'Ulum al-Qur'an, 1982, h. 121. Mahmud Nazim al-Nasimi, *al-Tib al-Nabawi Ma'a al-'Ilm al-Hadith*, Beirut, Mu'assasah al-Risalah, 1987. j. 1,h. 149. Hisham al-Khatib, *al-Wajiz fi al-Tib al-Islami*, Jordan, Dar al-Arqam, 1985, h. 103.

Kebersihan dalam Islam bukan sahaja digalakkan, tetapi dijadikan sebahagian daripada Iman. Ini menunjukkan bahawa amalan kebersihan merupakan tuntutan agama. Sabda Rasulullah s.a.w.:<sup>2</sup>

الظُّهُورُ شَطَرُ الْإِيمَانِ

*“Suci (kebersihan) itu sebahagian daripada iman”*

Hadith di atas bukan sahaja menggambarkan bahawa amalan kebersihan merupakan simbol dan syiar kepada agama Islam itu sendiri. Tetapi juga ia merupakan sebahagian dari ajaran dan tuntutan agama Islam.<sup>3</sup>

Kenyataan ini lebih jelas terbukti akan kebenarannya, apabila kita dapati Islam mewajibkan bersuci sebelum melakukan sesetengah ibadat seperti solat dan tawaf. Sementara sebahagian ibadat lain bersuci amat digalakkan. Malah boleh dikatakan Islam menggalakkan umatnya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersuci dan bersih dari segala najis dan kekotoran. Oleh kerana itulah kita dapati perbahasan mengenai bersuci amat meluas sekali di dalam kitab-kitab feqah dan juga kitab-kitab hadith sehingga sebahagian besar kitab-kitab feqah dimulai dengan kitab atau tajuk bersuci yang sekaligus menunjukkan betapa pentingnya amalan bersuci dalam Islam.

Konsep kebersihan dalam Islam bukan sahaja terbatas kepada kebersihan rohani sahaja, malah kebersihan fizikal dan mental juga diberi perhatian khusus dalam Islam. Kebersihan fizikal pula tidak hanya terbatas kepada kebersihan diri atau tubuh badan, sebaliknya meliputi kebersihan pakaian, tempat tinggal dan juga kebersihan alam sekitar. Kebersihan diri pula meliputi seluruh anggota tubuh badan baik rohani dan jasmani seperti kebersihan anggota zahir dan kebersihan hati dari sifat-sifat mazmumah atau tercela.<sup>4</sup>

Bermula dengan kebersihan diri, Islam menganjur umatnya supaya menjadikan amalan mandi sebagai satu wasilah atau salah satu cara untuk membersihkan tubuh badan. Dan apabila seseorang itu ingin mandi terutamanya mandi wajib, maka Islam menganjurkan supaya dibersihkan tangan terlebih dahulu daripada segala najis dan kekotoran. Ini bertujuan mengelak daripada terkena najis atau kekotoran tersebut pada tubuh badan dan juga air yang akan digunakannya untuk mandi. Dengan ini, ia telah melaksanakan satu amalan kebersihan yang

<sup>2</sup> Hadith riwayat Muslim. Lihat *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1995, j.3, h.85

<sup>3</sup> Abd al-Mun'im Qindil, *al-Tadawi bi al-Qur'an*, Qahirah, Maktabah al-Turath al-Islami, t.t. h. 15.

<sup>4</sup> Hisham al-Khatib, *op.cit*, h. 104. Mahmud Nazim al-Nasimi, *op.cit*, j. 1, h. 157.

sekaligus dapat menjauhkannya dari penyakit di samping dapat menunaikan tuntutan agama.<sup>5</sup> Dalam hal ini Allah s.w.t berfirman:

﴿... وَإِن كُنْتُمْ جُنُباً فَاطْهُرُوا...﴾

*"Dan sekiranya kamu berjunub (melakukan persetubuhan), maka hendaklah kamu bersuci (mandi)."*

(Surah al-Ma''idah : 6)

Peranan mandi dalam memelihara kesihatan amat besar sekali. Perkara ini terbukti apabila satu resolusi perubatan yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Bangladesh pada tahun 1984 menyatakan bahawa mandi ketika diserang penyakit boleh menghapus 90 % kuman yang terdapat pada tubuh badan.<sup>6</sup> Ini membuktikan bahawa Islam mendahului mana-mana agama dan teori dalam menyeru umatnya ke arah kebersihan terutamanya kebersihan diri.

Selain dari mandi, Islam juga menganjur umatnya supaya menjaga kebersihan secara tidak langsung melalui amalan berwudu'. Di mana amalan berwudu' diwajibkan ke atas setiap muslim sebelum mereka mengerjakan ibadat tertentu seperti solat dan tawaf. Malah Islam amat menggalakkan umatnya sentiasa berada dalam keadaan berwudu'. Apabila kita melihat dan mengkaji terhadap anggota wudu' yang diperintah supaya membasuh dan menyapunya nescaya kita akan dapati bahawa antara tujuan digalakkan berwudu' selain dari ia merupakan ibadah ialah untuk bertujuan memelihara kebersihan anggota tubuh badan itu sendiri. Kalau amalan mandi meliputi seluruh tubuh badan, tetapi wudu' hanya meliputi anggota-anggota tertentu seperti tangan, mulut, hidung, muka, kepala (rambut) dan kaki. Di mana kesemua anggota tersebut sentiasa terdedah kepada kekotoran. Oleh kerana itulah Islam menggalakkan umatnya supaya sentiasa berada dalam keadaan berwudu' yang sekaligus menggambarkan bahawa Islam merupakan satu agama yang menitikberat soal kebersihan terutamanya kebersihan diri. Firman Allah s.w.t.:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قَمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهُكُمْ وَأَيْدِيهِكُمْ  
إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسِحُوا بُرُؤْتُكُمْ وَازْجَلُّوْكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ...﴾

*"Wahai orang-orang beriman ! Apabila kamu ingin mendirikan solat, maka hendaklah kamu membasuh muka-muka kamu dan*

<sup>5</sup> Mahmud Nazim al-Nasimi, *op.cit*, j. 1, h.164. Muwaffaq al-Din, *al-Tib Min al-Kitab wa al-Sunnah*, Beirut, Dar al-Ma'rifat, 1986. h.12. Muhammad Sa'id al-Suyuti, *Mu'jizat al-Tib*, Beirut. Mu'assasah al-Risalah, 1984, h. 45. 'Afif Abd al-Fattah Tabbarah, *Ruh al-Din al-Islami*, Beirut, Dar al-'Ilm Li al-Malayin, h. 432.

<sup>6</sup> Iz al-Din Farraj, *al-Islam wa al-Wiqayat Min al-Amrad*, Beirut, Dar al-Ra'i'd al-'Arabi, 1984. h.12.

*tangan-tangan kamu hingga ke siku dan sapulah kepala-kepala kamu (rambut) dan (basuhlah) kaki-kaki kamu hingga ke buku laji”*

(Surah al-Ma‘idah : 6)

Fungsi dan peranan wudu’ dalam memelihara kesihatan tidak dapat dinafikan lagi. Ini kerana ia melibatkan anggota utama tubuh badan manusia yang kebiasaannya digunakan dalam menjalani kehidupan harian mereka. Apatahlagi apabila amalan tersebut dilakukan secara berulang sebagaimana yang diprogramkan oleh Islam. Misalnya tangan yang merupakan anggota penggerak utama kepada setiap pergerakan manusia sudah tentu sentiasa terdedah kepada kekotoran seperti peluh dan debu. Namun apabila seseorang itu komited dengan amalan berwudu’ sebanyak lima kali sehari mengikut waktu solat, maka sudah tentu ia dapat menghilangkan segala jenis kekotoran yang melekat pada tangannya.. Begitu juga dengan anggota-anggota yang lain. Selain dari itu wudu’ juga boleh mengembalikan kecerdasan anggota tubuh badan yang sentiasa bergerak dan bekerja.<sup>7</sup>

Selain dari amalan mandi dan berwudu’, Islam juga menganjur umatnya beberapa kaedah lain dalam usaha menjaga kebersihan diri. Antaranya ialah dengan bersugi, memotong kuku, misai dan rambut, bersunat dan memotong anggota-anggota tubuhbadan yang lain. Ini kerana pada kebiasaannya anggota-anggota tersebut mudah didiami oleh kuman-kuman pembawa penyakit. Sabda Rasulullah s.a.w:<sup>8</sup>

عشر من النظر: قص الشارب واغفاء اللحية والسوالك واستنشاق وقص الأظفار  
وغسل البراجم وتف الابط وحلق العانة واتقاص الماء

“Sepuluh perkara daripada fitrah, iaitu memotong misai, membiarkan janggut, bersugi, memasukkan air ke dalam hidung, memotong kuku, menyuci pelipat-pelipat jari, memotong bulu ketiak dan bulu kemaluan serta beristinja”.

<sup>7</sup> Mahmud Nazim al-Nasimi, *op.cit*, j. 1, h.166-172. ‘Abd al-Hamid Diyab & Ahmad Qarquz, *op.cit*, h. 121-122. Muqaddimah Muwaffaq al-Din, *op.cit*, h. 13. Muhammad Kamal ‘Abd al-Aziz, *Limadha Harrama Allah Hadhihi al-‘Asya*, h. 71-72, ‘Iz al-Din Fartaj, *op.cit*, h. 7-10. Muhammad Sa‘id al-Suyuti, *op.cit*, h. 40-45. ‘Afif ‘Abd al-Fattah Tabbarh, *op.cit*, h. 432.

<sup>8</sup> Hadith riwayat Muslim dan al-Tirmidhi. Lihat *Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi*, j. 3, h. 147. *Tuhfat al-‘Ahwadhi Syarh Jami’ al-Tirmidhi*, Mesir. Matba‘ah al-Fajalah al-Jadidah, j. 8, h.36-38.

Mus'ab (perawi hadith) menyatakan bahawa beliau lupa yang kesepuluh, barangkali berkumur. Tetapi al-Qadi 'Iyad menyatakan kemungkinan ya'g kesepuluh ialah berkhatan (bersunat) dan ia disokong oleh Imam al-Nawawi.

Dalam hadith yang lain Rasulullah s.a.w. menggalakkan bersugi secara khususnya. Sabdanya:<sup>9</sup>

لولا أن أشق على أمتي لأمرتهم بالسواك عند كل صلاة

*"Kalaalah tidak menjadi keberatan ke atas umatku, nescaya aku akan menyuruh mereka supaya bersugi (bersiwak) setiap kali hendak solat"*


Al-Hadith di atas menjelaskan kepada kita tentang beberapa fitrah yang sepatutnya menjadi kecenderungan dan kebiasaan manusia untuk melakukannya secara semulajadi dan ia merupakan sunnah para nabi dan rasul sejak dari Nabi Ibrahim a.s. lagi. Ini menunjukkan bahawa Islam sejak beberapa abad yang lampau telah menjelaskan beberapa kaedah yang praktikal bagi menjaga kebersihan. Di mana kesemua tempat dan anggota yang dinyatakan dalam al-Hadith merupakan tempat-tempat yang mudah didiami kuman dan sentiasa terdedah kepada kekotoran.

Islam juga mewajibkan umatnya bersuci dari najis yang keluar dari dua jalan yang dikenali dengan hadas kecil dan hadas besar. Kerana kedua tempat tersebut merupakan saluran najis yang paling kotor yang mengumpul segala najis dan kekotoran yang terdapat dalam tubuh badan manusia. Bagi menyuci kekotoran tersebut, Islam menganjurkannya melalui dua cara samada dengan menggunakan air ('istinja') ataupun dengan menggunakan batu dan seumpamanya ('istijmar').

Selain dari kebersihan individu atau kebersihan diri, Islam juga menitik berat soal kebersihan pakaian, tempat tinggal dan juga alam sekitar. Ini menunjukkan bahawa kebersihan yang dianjurkan oleh Islam amat luas skopnya yang bukan sahaja meliputi kebersihan diri, tetapi juga kebersihan alam sekitar<sup>10</sup> yang meliputi bumi, udara dan air. Dalam kontek kebersihan pakaian, Allah s.w.t berfirman:

<sup>9</sup> Al-Hadith riwayat al-Bukhari, Muslim dan al-Turmudhi. Lihat *Fath al-Bari*, Beirut, Dar al-Fikr, j. 2, h. 374. *Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi*, j. 3, h. 143. *Tuhfat al-'Ahwadhi Syarh Jami' at-Tirmidhi*, j. 1, h. 101-102.

<sup>10</sup> 'Iz al-Din Farraj, *op.cit*, h. 10-12. Najib al-Kailani, *op.cit*, h. 20-23. Muhammad Sa'id al-Suyuti, *op.cit*, h. 127-128. 'Abd al-Rahman al-'Isawi, *al-Islam wa al-'ilaj al-Nafsi*, Beirut, Dar al-Fikr, t.t. h. 134-136.




*"Dan pakaian kamu hendaklah kamu bersihkan"*

(Surah al-Muddathir : 4)

Islam bukan sahaja menuntut umatnya supaya menjaga kebersihan pakaian, malah menjadikan ia sebagai salah satu syarat sah ibadat solat. Begitu juga dengan kebersihan tempat. Kalau sekiranya sesuatu tempat atau pakaian diyakini mempunyai najis, maka ibadat solat seseorang itu dianggap batal. Oleh kerana Islam memwajibkan solat sebanyak lima kali sehari semalam dalam waktu yang berlainan, ini bererti seseorang muslim dimestikan menjaga kebersihan pakaian dan tempat solatnya selain dari kebersihan tubuh badan sebanyak lima kali sehari semalam. Dan apabila kita melihat kepada waktu-waktu solat yang telah diprogramkan oleh Islam bermula dari waktu pagi hingga malam, kita dapat amalan kebersihan dalam Islam sememangnya dituntut sepanjang hari samada kebersihan diri, pakaian dan juga kebersihan tempat.<sup>11</sup>

Pakaian dalam Islam bukan melambang status atau prestij seseorang seperti yang difahami dan menjadi amalan sesetengah golongan masyarakat. Sebaliknya ia tidak lebih sebagai penutup aurat dan pelindung dari kepanasan dan kesejukan. Dalam kontek ini penekanan utama yang diberi oleh Islam selain dari pakaian yang menutup aurat, ialah pakaian yang bersih dan kemas sekalipun dari jenis pakaian yang berharga murah. Namun demikian Islam tidak melarang sama sekali umatnya dari memakai pakaian yang berharga dan berjenama selagi tidak disertai dengan sifat-sifat riya' dan sompong. Dengan ini Islam juga menolak dakwaan sesetengah golongan yang megabai kebersihan pakaian. Sebaliknya mereka lebih suka memakai pakaian yang comot dan lusuh dengan alasan bahawa itulah zuhud yang sebenarnya.<sup>12</sup> Ini bercanggah sama sekali dengan ajaran Islam yang menekankan kebersihan dan keindahan dalam semua aspek kehidupan termasuk aspek berpakaian.

Berhubung dengan kebersihan tempat tinggal pula, Allah s.w.t berfirman:



*"Dan bersihkanlah rumahKu (masjid) bagi mereka yang tawaf, beribadat dan ruku' serta sujud"*

(Surah al-Hajj : 26)

<sup>11</sup> Mahmud Diyab, *op.cit*, h. 124.

<sup>12</sup> Mahmud Nazim al-Nasimi, *op.cit*, j.2, h. 299-300. Hisham al-Khatib, *op.cit*, h. 121-123.

Rasulullah s.a.w bersabda:<sup>13</sup>

أَمْرَنَا رَسُولُ اللَّهِ بِبَنَاءِ الْمَسَاجِدِ فِي الدُّورِ وَأَنْ تَنْظُفَ

*"Rasulullah s.a.w memerintah kami supaya membina masjid-masjid di rumah-rumah (atau di kampung-kampung) dan memerintah kami supaya membersih dan mewangikannya"*

Walaupun ayat dan juga hadith di atas hanya menuntut supaya menjaga kebersihan di masjid-masjid sahaja, namun ini tidak bermakna kebersihan yang dituntut hanya terbatas di masjid sahaja sedangkan kebersihan tempat tinggal dan seumpamanya tidak dituntut. Sebaliknya ayat dan hadith tersebut hanya menekan terhadap kebersihan masjid kerana kepentingan masjid sebagai tempat ibadah mengatasi kepentingan tempat tinggal. Sebaliknya kebersihan tempat tinggal juga dituntut. Ini terbukti apabila melihat kepada hadith Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:<sup>14</sup>

فَنَظِفُوا أَفْنِيْكُمْ وَلَا تَشْبُهُوْا بِالْيَهُودِ

*"Maka bersihkanlah halaman-halaman rumah kamu dan jangan kamu menyerupai Yahudi"*

Walaupun hadith di atas hanya menyebut halaman rumah, tetapi ia mencakupi semua kawasan rumah atau tempat tinggal baik dalam rumah maupun diluar. Seorang ulama' yang benama al-Tayyibi semasa mengulas hadith ini menyatakan bahawa apabila sesuatu amalan kebersihan itu dituntut, maka hendaklah dibersihkan apa sahaja yang boleh dibersihkan termasuk halaman rumah. Ini kerana kebersihan boleh mendorong dan menarik perhatian orang ramai ke rumah seseorang. Hadith ini juga menganjurkan umat Islam supaya tidak meniru budaya Yahudi yang tidak mementingkan kebersihan.<sup>15</sup>

Selain dari rumah-rumah ibadat dan tempat tinggal, Islam juga tidak ketinggalan dalam memberi pertunjuk kepada umatnya dalam memelihara kebersihan tempat-tempat awam khususnya jalanraya. Rasulullah s.a.w. ketika membicarakan tentang cabang-cabang iman baginda bersabda:<sup>16</sup>

<sup>13</sup> Hadith riwayat Ahmad, Abu Dawud, Ibnu Majah. Lihat *Sunan Ibnu Majah*, j. 1, h. 250 (h. 758 & 759). *'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud*, j. 1, h. 125 (h. 451). *Al-Fath al-Rabbani Tartib Musnad al-Imam Ahmad*, al-Qahirah, Dar al-Shihab, j. 3, h. 79.

<sup>14</sup> Hadith riwayat al-Turmudhi. Lihat *Tuhfat al-'Ahwadhi Syarh Jami' al-Turmudhi*, j. 8, h. 82.

<sup>15</sup> Ibid, h. 83.

<sup>16</sup> Hadith riwayat Muslim. Lihat *Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi*, j. 2, h. 6.

وَأَدَنَاهَا إِبْرَاطُهُ الْأَدْنِي عَنِ الطَّرِيقِ

*“Dan yang paling rendah (daripada cabang iman) ialah dengan membuang benda-benda yang menyakitkan di jalanraya”*

Dalam hadith yang lain pula Rasulullah s.a.w.:<sup>17</sup>

اقْوَا الْمَلَائِكَةُ الْبَرَازُ فِي الْمَوَارِدِ وَقَارِعَةُ الْطَّرِيقِ وَالظَّلَلِ

*“Berhati-hatilah kamu terhadap tiga tempat yang dilaknat, iaitu membuang najis di tempat yang menjadi sumber air kepada manusia, jalanraya dan tempat berteduh”*

Hadith-hadith di atas menjelaskan bahawa Islam bukan sahaja menitik berat tentang persoalan kebersihan diri dan tempat tinggal sahaja, malah konsep dan skop kebersihan yang dianjurkan oleh Islam amat luas mencakupi kebersihan alam sekitar yang meliputi bumi (hutan), air (sungai dan laut), udara dan juga bunyi. Sumber air hendaklah dipelihara kebersihannya kerana ia menjadi sumber utama bagi kehidupan di bumi. Tanpa air yang bersih bukan sahaja boleh mendedahkan manusia kepada penyakit, tetapi boleh membunuhnya.

Justeru pengekalan hutan di kawasan tinggi dan bukit bukau adalah amat perlu sekali. Ini bagi memastikan sumber air yang datang dari kawasan tersebut adalah bersih dan selamat. Ini kerana hutan adalah kawasan tадahan air yang utama. Secara mudah hutan dikatakan menarik hujan dan membekalkan manusia dengan air yang bersih. Sebaliknya manusia akan kehilangan sumber air yang bersih apabila hutan dimusnahkan dan bukit bukau digondolkan yang sekaligus boleh mengancam kehidupan manusia. Ini bertentangan sama sekali dengan salah satu maqasid (tujuan) syar'iyyah yang kerananya agama Islam diturunkan oleh Allah s.w.t, iaitu untuk memelihara kesinambungan hidup manusia. Jadi apa jua amalan atau usaha yang boleh mengancam kehidupan manusia adalah ditegah. Firman Allah s.w.t.

﴿... وَلَا تُلْقُوا أَيْمَانِكُمْ إِلَى الْنَّهْلَكَةِ ...﴾

*“Jangan sekali-kali kamu campakkan (diri kamu) dengan usaha tangan-tangan kamu kepada kebinasaan”*

(Surah al-Baqarah : 195)

Dalam kontek kebersihan udara pula, Rasulullah s.a.w bersabda:<sup>18</sup>

<sup>17</sup> Hadith riwayat al-Bukhari dan al-Turmudhi. Lihat *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 1, h. 346 & *Tuhfat al-'Ahwadhi Syarh Jami' al-Turmudhi*, j. 1, h. 222.

<sup>18</sup> Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim. Lihat *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 2, h. 339. *Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi*, j. 5, h. 43.

من أكل ثوماً أو بصلًا فليغسلوا - أو قال: فليغسل مسجدنا - ولنعد به

"Sesiapa yang memakan bawang besar atau bawang putih, maka hendaklah ia menjauhi kami, - atau katanya: Maka hendaklah ia menjauhi masjid kami - dan duduk dirumahnya"

Mengikut Imam al-Nawawi, sekalipun hadith di atas menyatakan tegahannya dari menghadiri masjid bagi mereka yang memakan bawang besar dan bawang putih dan seumpamanya. Tetapi tegahan sebenarnya meliputi masjid dan lain-lain tempat yang menjadi tempat perhimpunan dan seumpamanya.<sup>19</sup> Ini kerana asas kepada tegahan tersebut ialah menyakiti manusia. Ini berdasarkan kepada satu riwayat lain yang berbunyi:<sup>20</sup>

من أكل من هذه الشجرة فلا يغرن مسجدنا ولا يؤذينا بريح الثوم

"Sesiapa yang makan dari pokok ini (bawang), maka janganlah ia menghampiri masjid kami dan jangan ia menyakiti kami dengan bau bawang"

Dalam hadith di atas, Rasulullah s.a.w menyatakan diakhir hadith tersebut tentang sebab tegahan dari menghadiri masjid, iaitu mereka yang memakan bawang boleh menyakiti orang lain dengan mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan. Kerana bau yang tidak menyenangkan bukan sahaja boleh menyakiti manusia, tetapi juga malaikat. Sabda Rasulullah s.a.w. :<sup>21</sup>

أَمْ أَكُلْ هَيْنِكُمْ عَنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ! إِنَّ الْمَلَائِكَةَ تَأْذِي مَا يَأْذِي مِنْ النَّاسِ

"Sesungguhnya para Malaikat boleh disakiti dengan apa yang boleh menyakiti manusia"

Keterangan hadith di atas menjelaskan bahawa Islam menegah dari menyakiti manusia dengan apa cara sekalipun. Ini termasuklah melalui pencemaran udara seperti dinyatakan dalam hadith di atas dan juga pencemaran bunyi. Ini berdasar kepada hadith Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:<sup>22</sup>

وَاللَّهُ لَا يُؤْمِنُ وَاللَّهُ لَا يُؤْمِنُ وَاللَّهُ لَا يُؤْمِنُ! قيل من يا رسول الله قال: الذي لا يؤمن  
جاره بواقنه

<sup>19</sup> Lihat *Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi*, j. 5, h. 42.

<sup>20</sup> Hadith riwayat Muslim. Lihat *Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi*, j. 5, h. 42.

<sup>21</sup> Hadith riwayat Ibnu Majah. Lihat *Sunan Ibnu Majah*, j. 2, h. 1116 (hadith no: 3365)

<sup>22</sup> Hadith Muttafaq `Alaih. Lihat *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 10, h. 443. *Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi*, j. 2, h. 16.

"Demi Allah tidak beriman (Rasulullah s.a.w. menyebutnya sebanyak tiga kali), lalu Rasulullah ditanya, siapakah wahai Rasulullah? Rasulullah s.a.w. menjawab: Orang yang jiran tetangganya tidak merasa aman (selamat) dari gangguannya"

Hadith di atas menyatakan bahawa Islam melarang sama sekali daripada menyakiti jiran tetangga dalam apa bentuk sekalipun. Namun pada kebiasaannya jiran tetangga diganggu dengan suara-suara yang bising dan sumbang yang bukan sahaja boleh mengganggu jiran tersebut tetapi juga boleh mengganggu ketenteraman awam. Walaupun hadith di atas dan hadith-hadith sebelumnya lebih menjurus kepada larangan dari menyakiti manusia, tetapi sebenarnya secara tidak langsung ia dapat mengawal pencemaran alam sekitar yang meliputi pencemaran udara, bau, bunyi dan seumpamanya yang boleh dikategorikan sebagai mengganggu atau menyakiti seseorang.

Keprihatinan Islam terhadap alam sekitar juga boleh dilihat dari aspek tuntutan dan kewajipan melindungi alam sekitar serta apa yang terkandung di dalamnya yang merupakan hadiah dan anugerah Allah s.w.t kepada manusia. Ia merupakan satu amanah Allah kepada hambaNya untuk digunakan bagi manfaat kepada mereka sendiri. Justeru itu Allah memilih manusia sebagai khalifah untuk mengurus dan juga memelihara alam ini dengan baik. Mereka bukan sahaja diberi kuasa, malah tanggungjawab moral untuk bekerja secara harmoni dengan alam sekitar. Firman Allah s.w.t.:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَشًا وَالسَّمَاءَ مَبَاهِيَةً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ  
الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَّكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا إِلَهَ أَدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

"Dia yang mejadikan kepada kamu bumi sebagai hamparan dan langit sebagai bangunan (tempat berlindung) serta menurunkan hujan dari langit, lalu ia mengeluarkan buah-buahan daripadanya sebagai rezki untuk kamu. Maka janganlah kamu menjadikan Allah berbilang-bilang (sekutu) sedangkan kamu mengetahuinya".

(Surah al-Baqarah : 22)

Islam juga mengajar kita nilai yang positif untuk menghasilkan dunia yang lebih baik di mana pandangan Islam terhadap alam sekitar berpandukan wahyu. Di dalam al-Qur'an menyatakan bahawa terdapatnya hubungan yang erat antara manusia dan alam. Sebagai makhluk yang bergelar manusia, kita juga seharusnya berfikir tentang makhluk atau spesies-spesies lain yang juga merupakan ciptaan Allah s.w.t. Di mana mereka juga berhak menikmati haknya yang tertentu

daripada alam semula jadi ini. Justeru manusia tidak boleh sewenang-wenangnya merosak dan mencemari alam sekitar sesuka hati. Janganlah dengan bermotifkan kuasa dan ketamakan serta terlalu ingin mengejar kemajuan, manusia abad ini sanggup memusnahkan sumber semula jadi dengan tujuan menghasilkan barang dan produktiviti yang banyak tanpa mengambil kira pencemaran udara dan seumpamanya pada skala yang begitu tinggi. Kerana ini semua bertentangan dengan ajaran Islam yang lebih mementingkan kehidupan yang lebih harmoni sesama makhluk.

Krisis ekologi atau alam sekitar yang dihadapi oleh dunia hari ini seperti yang kita saksikan bukan sahaja boleh mengancam kehidupan dan masa depan manusia itu sendiri, malah boleh mengancam dunia keseluruhannya termasuk haiwan dan juga tumbuh-tumbuhan. Ini semua tidak akan berlaku di bawah undang-undang dan moral Islam. Malah kalau sekiranya Islam tidak dijadikan panduan dalam segenap aspek kehidupan bukan sahaja alam sekitar yang terancam, tetapi juga manusia akan menempah bala dan bencana sebagaimana yang kita saksikan hari ini dari kematian dan kemasuhan hasil dari pencemaran dan pemusnahaan alam sekitar yang menghasilkan berbagai penyakit dan permasalahan.

## **Penutup**

Sebagai kesimpulan, Islam adalah satu agama yang komprehensif. Ia mencakupi segenap aspek kehidupan manusia termasuk soal kesihatan yang meliputi soal kebersihan kerana kebersihan merupakan faktor utama yang boleh mencegah daripada penyakit. Malah Islam menjadikan amalan kebersihan sebagai salah satu daripada agenda penting dalam kehidupan seseorang muslim. Ia bukan sahaja sebagai simbol dan lambang kepada agama Islam, tetapi adalah tuntutan agama. Islam bukan sahaja menekan soal kebersihan diri, pakaian dan tempat tinggal, tetapi juga kebersihan alam sekitar yang meliputi bumi (hutan), udara dan air. Dengan pemeliharaan alam sekitar ini bukan sahaja dapat memberi kehidupan dan kesejahteraan kepada manusia, tetapi juga kepada seluruh makhluk atau spesies yang lain.

Masyarakat hari ini perlu ditingkatkan kesedarannya tentang tanggungjawab moral untuk bekerja dengan alam sekitar secara harmonis. Tabiat suka membuang sampah sarap, sisa toksid dan seumpamanya di merata tempat, pengeluaran asap pada skala yang begitu tinggi, penebangan pokok dan pegondolan bukit-bukit yang begitu meluas dan sikap tidak mengambil kisah terhadap amalan kebersihan hendaklah dihentikan dengan segera, kerana semua ini boleh mengakibat kehidupan di bumi tidak lagi bermakna dan selesa.